

**Najib Ingatkan Pemimpin Komponen Jangan Hanya Jaga Kelompok Masing-Masing Bernama**  
**17 September , 2011**

SHAH ALAM, 17 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini mengingatkan pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN) supaya tidak hanya menjaga kepentingan kelompok masing-masing sahaja.

Perdana Menteri yang juga Pengerusi BN berkata BN mungkin tidak akan berjaya memimpin negara sekiranya hanya berdiri di atas satu kaum sahaja.

"Pemimpin BN yang tulen dan berhimpun atas semangat dan prinsip BN. Kalau ada orang yang susah, kita tak tanya dia kaum mana dan warna kulit apa.

"Siapa yang susah dan wajar dibantu. Pemimpin BN perlu terpa ke hadapan untuk bantu golongan yang susah," katanya ketika berucap merasmikan Konvensyen BN Selangor di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, di sini, hari ini.

Najib yang juga Pengerusi Badan Perhubungan BN Selangor mahu agar semua pemimpin BN meneruskan khidmat mereka kepada masyarakat secara berterusan dan tidak hanya menunggu ketika pilihan raya sahaja.

Selain itu, Najib juga mahu pemimpin supaya tidak hanya memikirkan kedudukan mereka di dalam parti sehingga mengabaikan tanggungjawab untuk memberi khidmat terbaik kepada rakyat.

"Saya tak mahu ada mentaliti tak ada dalam pilihan raya kita dalam kelompok masing-masing. Yang kita kira kedudukan dalam parti, hal jawatan dalam parti, dan juga hal menjadi perwakilan dalam parti.

"Jangan dalam kepala kita, kita masih dalam mentaliti zaman kita masih kuat," katanya.

Dalam pada itu, Najib mengingatkan bahawa formula pemuafakatan yang diasaskan pemimpin-pemimpin terdahulu telah dapat menentukan masa depan negara yang menjurus kepada perpaduan nasional dan memberi kekuatan untuk membangunkan Malaysia atau Malaya pada ketika itu.

Katanya formula yang masih bertahan sehingga kini itu perlu diwarisi dan terus disebarkan oleh generasi-generasi baru untuk menunjukkan kepada rakyat di peringkat akar umbi bahawa semangat BN masih lagi menjadi ikutan dan penghayatan di kalangan pemimpin-pemimpin BN.

"Kita memilih jalan bahawa yang sebaik-baiknya untuk masa depan negara kita ialah kalau kita memulakan satu bentuk pemuafakatan kaum yang pada ketika itu mendahului di mana tidak ada negara-negara lain di dunia hatta negara maju sekalipun yang mempunyai penduduk yang begitu kompleks dan kemajmukan seperti negara Malaysia memilih pemuafakatan kaum sebagai jalan yang terbaik untuk menjamin masa depan negara Malaysia yang tercinta," katanya.

Najib juga berkata pada ketika ini, kerajaan BN sudahpun menentukan agenda besar negara yang diperkenalkan menerusi pelan transformasi ekonomi, pelan transformasi

kerajaan dan juga pelan transformasi politik.

Malahan, katanya, agenda besar negara itu tidak boleh ditandingi oleh pembangkang yang cuba memperkenalkan Buku Jingga.

"Saya tak nak cakap banyak perkara sebab kita dah tahu agenda besar negara. Pembangkang tidak boleh lawan dari segi agenda besar negara.

"Pelan transformasi negara, pelan transformasi kerajaan dan pelan transformasi politik yang saya umumkan dua hari lalu adalah agenda paling besar yang boleh meletakkan negara kita sebagai negara yang berjaya lagi disegani," katanya.

Terdahulu, Perdana Menteri menyerahkan replika kunci kenderaan Klinik Bergerak 1Malaysia kepada Ketua Pergerakan Puteri Umno Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin.

Kenderaan tersebut akan beroperasi di seluruh Selangor untuk memberi khidmat kesihatan secara bergerak kepada masyarakat khususnya di kawasan terpencil.

--BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=614001>